

1975

KUALA LUMPUR, 22 OGOS (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENGINGATKAN BAHAWA NEGARA AKAN TERUS KEKURANGAN KIRA-KIRA 10,000 ORANG GURU SETIAP TAHUN SEKIRANYA KADAR PENGAMBILAN DAN PENGELUARAN GURU SEKARANG TIDAK DI PERTINGKATKAN.

BELIAU BERKATA MENURUT PERHITUNGAN, ANGKA KEKURANGAN ITU TIDAK AKAN BERANJAK SELAMA SEKURANG-KURANGNYA TIGA TAHUN LAGI JIKA KADAR TERSEBUT TIDAK BERUBAH.

KEKURANGAN TERSEBUT YANG BERDASARKAN NISBAH GURU DAN KELAS YANG DIKUATKUASAKAN SEKARANG AKAN BERLIPATGANDA DENGAN SERTA MERTA JIKA NISBAH ITU DIPERTINGKATKAN LAGI.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA MAKTAB DI MAKTAB PERGURUAN BAHASA LEMBAH PANTAI DISINI.

MENTERI ITU BERKATA USAHA-USAHA YANG LEBIH SERIUS PATUT DIAMBIL BAGI MENGATASI MASALAH TERSEBUT KERANA KADAR PENGELUARAN GURU-GURU YANG TERLATIH SERAMAI LEBIH KURANG 3,000 ORANG SETIAP TAHUN TIDAK MEMADAI.

BELIAU MAHU PENGETUA-PENGETUA MAKTAB LATIHAN PERGURUAN MEMBERI TEKANAN YANG SAMA BERAT DI SEGI KUANTITI DAN KUALITI DALAM PENGAMBILAN GURU-GURU PELATIH SUPAYA MASALAH ITU DAPAT DIATASI SEPENUHNYA. -- BERSAMBUNG 1125 SZ

518:
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PEHAK KERAJAAN TELAH PUN MENGAMBIL TINDAKAN BAGI MENGATASINYA, TERMASUK MENUBUHKAN EMPAT BUAH PUSAT SEMENTARA UNTUK MELATIH GURU-GURU BIASA DAN MENGADAKAN SATU RANCANGAN RAKSAKSA MELATIH GURU-GURU SEMENTARA.

BELIAU BERHARAP DENGAN TERLAKSANANYA RANCANGAN TERSEBUT TAHUN DEPAN, MASALAH KEKURANGAN GURU-GURU SEMENTARA TIDAK AKAN TIMBUL LAGI DALAM TEMPOH TIGA ATAU EMPAT TAHUN AKAN DATANG.

DR. MAHATHIR MENYARANKAN SUPAYA PERSIDANGAN ITU MENGENAI KEMUNGKINAN MENUBUHKAN SEBUAH +STAFF COLLEGE+ UNTUK MELATIH GURU-GURU YANG BERPENGALAMAN SEBAGAI LANGKAH MENDORONG MEREKA MENINGGIKAN PENGETAHUAN AKADEMIK DAN PROFESIONAL MEREKA.

PERMUDAAN MAKTAB SEPERTI ITU, JELASNYA, AKAN DAPAT MENAMBAH MUTU PELAJARAN DI NEGARA INI SENTIASA TERLETAK DI PERINGKAT YANG TINGGI.

BELIAU BERHARAP MEREKA AKAN DAPAT MENGEMUKAKAN SATU MEMORANDUM MENGENAI CADANGAN TERSEBUT UNTUK DIPERTIMBANGKAN OLEH KEMENTERIANNYA.

MENYENTUH TENTANG PENSYARAH-PENSYARAH DAN PENGETUA-PENGETUA MAKTAB, MENTERI ITU MENGGESE MEREKA MEMPERTINGKATKAN LAGI TARAF KELAYAKAN AKADEMIK DAN KELULUSAN IKHTISAS MEREKA DISAMPING MELIBATKAN DIRI DALAM KERJA-KERJA PERANCANGAN.

BELIAU GEMBIRA KERANA SEMENJAK TAHUN 1973 LEBIH 50 ORANG PENSYARAH TELAH MENDAPAT LATIHAN KHAS MELALUI BERBAGAI KURSUS DI DALAM DAN LUAR NEGERI.

DR. MAHATHIR JUGA MENGESYORKAN SUPAYA MEREKA MEMBUAT LAWATAN KE LUAR NEGERI UNTUK MENDAPAT IDEA-IDEA BARU DAN DINAMIS TENTANG LATIHAN PERGURUAN. -- BERNAMA 1130/SZ

94